Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2023, Volume 8, Issue 11, e002620
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i11.2620

REVIEW ARTICLE

Kepentingan Realisme Terhadap Keperluan Pembangunan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Rantau Asia Tenggara

(The Importance of Realism Regarding the Need for The Development of Malaysian Armed Force (MAF) In the Southeast Asia Region)

Ahmad Shah Pakeer Mohamed[1*], Mohamed Fajil Abdul Batau[2], Azman Ayob[3]

[1]Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi (FSPPP), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 70300 Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia.
Email: ahmad7243@uitm.edu.my
[2]Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi (FSPPP), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 70300 Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia.
Email: fajil_batau@uitm.edu.my
[3]Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi (FSPPP), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 70300 Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia.
Email: azmanayob@uitm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Ahmad Shah Pakeer Mohamed (ahmad7243@uitm.edu.my)

KATA KUNCI:
Keselamatan
Asia Tenggara
Angkatan Tentera Malaysia (ATM)
Realisme

KEYWORDS:
Security
Southeast Asia
Malaysian Armed Forces (MAF)
Realism

CITATION:
Ahmad Shah Pakeer Mohamed, Mohamed Fajil Abdul Batau, & Azman Ayob. (2023). Kepentingan Realisme Terhadap Keperluan Pembangunan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Rantau Asia Tenggara. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8*(11), e002620. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i11.2620

ABSTRAK

Pasca Perang Dingin, ancaman terhadap Asia Tenggara semakin luas dan pelbagai. Ini kerana ia juga melibatkan perkembangan ketidakstabilan politik dan pergolakan di Asia Timur dan Asia Selatan, yang dibimbangkan akan membahayakan keselamatan Asia Tenggara. Selain itu, ancaman keselamatan di rantau Asia Tenggara boleh secara tidak langsung mengancam keselamatan negara lain di Rantau berkenaan termasuk Malaysia. Langkah tuntutan sumber daripada kuasa besar seperti China yang menuntut kepulauan Spratly dan pertindihan Zon Ekonomi Ekslusif (ZEE) boleh mengubah landskap geopolitik Laut China Selatan dengan ketara. Walau bagaimanapun isu ancaman tradisional ini kurang diberi perhatian oleh Malaysia memandangkan persepi terhadap ancaman tradisional semakin kurang diperkatakan dan tindakan ancaman tradisional ini tidak bermakna ia tidak akan berlaku tetapi langkah kesiapsediaan membangunkan angkatan tentera perlu ada untuk memastikan negara kekal aman dan kekal keabsahannya.

ABSTRACT

Southeast Asia's post-Cold War region faces a growing variety and breadth of threats. This is because it also involves the development of unrest and political instability in the East Asian and South Asian regions, which are also feared to threaten and undermine the security of the Southeast Asian region. Threats to regional security in

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Southeast Asia have the potential to indirectly jeopardize the security of neighboring nations, such as Malaysia. The Spratly islands and the Exclusive Economic Zone (EEZ) overlap are among the primary resources that China and other powerful nations claim, and they have the potential to significantly alter the geopolitical landscape of the South China Sea. Although traditional threats are perceived as less and less talked about, and their actions do not guarantee that they will not occur, Malaysia do not pay much focus to this issue. Instead, preparedness measures, such as building up the armed forces, are necessary to guarantee that the nation remains peaceful and maintains its legitimacy.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dengan melihat kepentingan realisme kepada pembangunan Angkatan Tentera Malaysia dan ianya membantu dalam menganalisis pembangunan dan revolusi ATM.

1. Pengenalan

Menurut ahli falsafah realisme, kerjasama dan peperangan adalah tindakan dan cara negara berinteraksi dalam sistem antarabangsa. Negara sentiasa melihat sistem antarabangsa dalam keadaan peperangan dan konflik melihatnya sebagai anarki dan tidak selamat. Ini disebabkan oleh fakta bahawa negara akan bertindak mengikut kepentingan nasionalnya, yang bermaksud untuk meningkatkan atau mengekalkan kekuasaannya. Ini adalah hasil daripada kegagalan sistem antarabangsa yang gagal untuk mencipta keamanan kerana dunia sentiasa di dalam peperangan yang berterusan. Perang-perang yang berlaku selepas Perang Dunia Kedua, seperti Perang Korea (1950-1953), Perang Vietnam (1965-1975), Perang Arab-Israel (1948, 1967, dan 1973), Perang Falkland (1982), Perang Iran-Iran (1980-1988), Perang Teluk (1991), Perang di Balkan (1990-1994), Perang Afghanistan (2002), dan Perang Iraq (2003), semuanya telah menunjukkan bahawa sistem antarabangsa sentiasa terancam oleh peperangan. Kegagalan aktor bukan kerajaan seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mengekalkan keamanan dan mengelakkan peperangan telah menyebabkan negara membuat keputusan yang penting untuk keselamatan dan kelangsungan hidupnya sendiri. Antara perkara-perkara utama yang menjadi perkara asas kepada keadaan anarki iaitu faktor kuasa, kepentingan negara, keseimbangan kuasa, keselamatan dan ketenteraan. Morgenthau (1948) menyatakan *"hubungan antarabangsa adalah satu bentuk persaingan kuasa"*. Ini menunjukkan bahawa negara akan terus berjuang untuk menguasai dan mengekalkan kuasa untuk kekal dalam sistem antarabangsa. (Morgenthau, 1948).

Menurut Buzan (1987), persaingan mengenai pembangunan ketenteraan terhasil daripada reaksi atau tindak balas yang berlaku di antara negara-negara apabila sesebuah negara itu membina tentera mereka sendiri. Merujuk kepada undang-undang antarabangsa, pembangunan ketenteraan sesebuah negara tidak merupakan satu kesalahan yang besar sekiranya ia bertujuan untuk mempertahankan keselamatan atau mengekalkan kedaulatannya sesebuah negara itu. Ini kerana sesebuah negara mempunyai hak untuk mengekalkan kemerdekaannya, hak untuk saksama dan hak untuk mempertahankan tanah air (Buzan, 1987). Ini selaras dengan pendapat Morgenthau (1978), yang menyatakan bahawa ciri-ciri sistem antarabangsa bertujuan untuk menghalang dominasi negara terhadap sistem antarabangsa. Ini menunjukkan bahawa

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

negara- negara di rantau antarabangsa kini bersaing untuk menjadi dominan dalam sistem antarabangsa. Keghairahan sesebuah negara untuk menguasai sistem antarabangsa telah membawa kepada perlumbaan untuk mengimbangi kuasa negara yang cuba mendominasinya (Morgenthau, 1978).

> *"Penumpuan persaingan tentera atau senjata, di mana setiap negara cuba untuk mendapatkan dan keuntungan atas jiran mereka atau sekurang-kurangnya tidak kekal dalam kelemahan. Perlumbaan boleh diikuti oleh dua kuasa bersaing atau banyak; ia boleh menjadi tempatan atau secara umum".* (Gray, 1971)

Akhir Perang Dunia II dan penstrukturan semula sistem global dunia telah membawa kepada keadaan baru yang dapat menimbulkan kemajuan dunia khususnya di Asia Tenggara. Menurut Tellis (2000), pengunduran perintah penjajah, keamanan damai telah dicapai dalam waktu yang terhad yang diciptakan Amerika Syarikat untuk mengekalkan kuasa dominan dunia. kehadiran elit nasional di kebanyakan negara di Asia Tenggara semuanya digabungkan untuk mewujudkan kejayaan strategi ekonomi negara tertentu yang menghasilkan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi yang berterusan dari masa ke masa (Gray, 1971). Perubahan ini telah mendorong banyak negara untuk melabur dalam pemodenan ketenteraan.

Tentera di rantau Asia telah mengubah kemampuan mereka untuk menghadapi pelbagai jenis ketidakpastian strategik. China, India, Rusia, Jepun, dan AS masing-masing secara kualitatif meningkatkan struktur daya, keupayaan berperang, dan inventori angkatan tentera mereka. Kebanyakan negara juga telah meningkatkan perbelanjaan pertahanan dan menggabungkan komponen *revolusi hal-ehwal ketenteraan* (RMA) ke dalam program pemodenan ketenteraan mereka, dengan akibat yang ketara untuk mewujudkan keseimbangan kuasa serantau. Strategi transformasi pertahanan diikuti oleh negara-negara Asia khususnya rantau Asia Tenggara yang mempunyai persekitaran serta ancaman yang khusus, prestasi keadaan ekonomi, dilema keselamatan, dan struktur negara. Sebagai contoh Negara Malaysia juga telah mengambil langkah secara aktif ke arah membangunkan dan mempertingkatkan pertahanan ketenteraan dan nasional untuk memastikan keselamatan negara dan kestabilan ekonomi. Perkembangan tersebut juga telah mengubah dimensi keselamatan yang tidak hanya dilihat sebagai dipengaruhi oleh isu keselamatan tradisional, tetapi sebenarnya isu keselamatan juga berkaitan dengan isu-isu keselamatan baru seperti ekonomi, alam, kemanusiaan dan sebagainya. Oleh itu, Kerajaan Malaysia dan Kementerian Pertahanan (MINDEF) perlu melihat bahawa Angkatan Tentera Malaysia (ATM) tidak mampu ditinggalkan dalam pembangunan ketenteraan apabila negara-negara lain di rantau ini dengan cepat meningkatkan daya tentera mereka sendiri.

1.1. Permasalahan Kajian

Walaupun hakikat bahawa para sarjana mempuyai pelbagai pendapat dan pemikiran yang berbeza dalam hubungan antarabangsa (IR) jelas sekali ia tidak boleh lari dari naratif untuk berhujah tentang teori realisme. Teori realisme yang telah menjadi sinonim dengan emosi ini dalam disiplin. Dalam karya klasik Thucydides sebagai satu contoh di dalam satu petikan yang sering disebutkan dalam Sejarah Perang Peloponnesian, Thucydides berpendapat bahawa ia adalah "perkembangan kuasa Athena dan ketakutan yang menyebabkan *Sparta"* yang akhirnya membawa kepada peperangan ini pada abad kelima sebelum masihi (Pashakhanlou, 2017). Menurut Burchill (2001), teori realisme

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

adalah satu pendekatan teori yang berpaksikan pada sikap individu, yang dianggap sebagai mementingkan diri sendiri (*Self Interest*), dan usaha untuk mempertahankan diri. Kegagalan Idealisme untuk menghalang perang kedua selepas Perang Dunia Kedua mendorong kembali kepada ideologi Realisme.

Menurut Ramanathan (2000) istilah hubungan antarabangsa adalah *"kajian siapa yang mendapat apa, bila dan bagaimana dalam hal-hal luar negara atau dalam hal-hal yang merentas garis sempadan negara"*. "Siapa" dalam hubungan antarabangsa adalah merujuk kepada negara selaku aktor rasmi dalam hubungan antarabangsa. "Apa" merujuk kepada matlamat negara dalam hubungan antarabangsa dan ianya bersifat pelbagai matlamat sebagai contoh seperti matlamat politik, ekonomi, sosial atau budaya. "Bila" merujuk kepada tindakan berterusan negara dalam hubungan antarabangsa, sama ada untuk menjaga rakyatnya atau untuk tujuan organisasi antarabangsa. Selain itu, "bagaimana" merujuk kepada instrumen atau alat yang digunakan oleh negara untuk mencapai objektif dalam hubungan antarabangsa, seperti ketenteraan, propaganda, bantuan asing, diplomasi dan sebagainya (Ramanathan, 2000).

Menurut Ramanathan (2000), semua hubungan dan aktiviti antarabangsa dianggap sebagai hubungan antarabangsa, tanpa mengira sempadan negara. Di dalam buku *"Politics among Nations",* Morgenthau (1948) menyatakan bahawa negara akan mementingkan dan mempertahankan nilai-nilai penting seperti keselamatan, kedaulatan, keutuhan wilayah, kebajikan ekonomi dan kestabilan. Terdapat kemungkinan konflik antara negara apabila negara itu dikehendaki melindungi kepentingan negara, katanya. Teori tentang bagaimana negara berinteraksi dengan negara lain telah dijelaskan dan dibangunkan melalui kepentingan nasional. Dalam hubungan diplomatik, setiap negara akan terus berusaha untuk mempertahankan dan memajukan kepentingan negara mereka sendiri (Ramanathan, 2000).

Di dalam *The Prince*, yang ditulis oleh Niccolo Machiavelli pada abad ke-15, Machiavelli berpendapat bahawa seorang pemimpin negara harus memastikan kekuatan dan keselamatan negara yang diperintahnya (Zulkifli, 2016). Machiavelli menyatakan bahawa pemimpin tidak selalunya bertindak dengan cara yang betul untuk melaksanakan arahan kerana untuk mengekalkan kuasanya, mereka kadangkala bertindak secara tidak jujur dan melampaui moral, kejam dan tidak berperikemanusiaan (Zulkifli, 2016). Selain itu, menurut pemimpin negara harus sentiasa bersedia untuk mengubah situasi atau arahan yang menghalang mereka. Untuk membolehkan negara bersiap sedia untuk sebarang ancaman dan isu, pemimpin harus memahami situasi dan makna ancaman dengan bijak. (Zulkifli, 2016).

Menurut realisme, kekuasaan adalah penting untuk meningkatkan atau mengekalkan kuasa dalam hubungan antarabangsa (Holsti, 1991). Menurut Morgenthau (1948), ia menggambarkan hubungan antarabangsa sebagai perlumbaan kuasa di mana negara berlumba untuk mengekalkan atau memperoleh kuasa. Perspektif realistik menyatakan bahawa peperangan tidak dapat dielakkan dan keamanan tidak kekal (Burchill et al., 2001). Dalam bukunya *Politics Among Nations: The Struggle For Power And Peace*, Morgenthau (1948) mengutamakan enam prinsip utama Realisme, iaitu:

i. Politik, seperti masyarakat umum, ditadbir oleh undang-undang objektif yang mempunyai akar dalam sifat manusia yang tidak berubah: oleh itu adalah mungkin untuk membangunkan teori rasional yang mencerminkan Objektif undang-undang ini.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

ii. "*signpost*" utama realisme politik adalah konsep kepentingan yang ditakrifkan dari segi kuasa yang menyebarkan perintah rasional ke dalam perkara politik, dan dengan itu menjadikan pemahaman teori tentang politik dapat difahami. Realisme politik menekankan rasional, objektif dan tidak emosional.

iii. Realisme menganggap bahawa minat yang ditakrifkan sebagai kuasa adalah kategori objektif yang sah secara universal tetapi tidak dengan makna yang ditetapkan sekali untuk semua. Kuasa adalah kawalan manusia ke atas manusia.

iv. Realisme politik menyedari signifikan moral dengan tindakan politik. ia juga menyedari ketegangan antara tindakan moral dan keperluan tindakan politik yang berjaya.

v. Realisme politik menolak untuk mengenali aspirasi moral suatu negara tertentu dengan hukum moral yang memerintah alam semesta. Ia adalah konsep untuk kepentingan ditakrifkan dari segi kuasa yang menyelamatkan kita daripada kelebihan moral dan kebodohan politik.

vi. Realis politik mengekalkan autonomi bidang politik "*political Sphere*". Dia bertanya "Bagaimanakah dasar ini menjejaskan kuasa negara?" Realisme politik didasarkan pada konsepsi pluralistik sifat manusia. Seorang lelaki yang bukan sahaja "lelaki politik" akan menjadi seekor binatang, kerana dia tidak akan mengalami kekangan moral sepenuhnya. Tetapi, untuk membangunkan teori autonomi tentang tingkah laku politik, "lelaki politik" mesti digerakkan dari aspek lain dari segi sifat manusia.

Sumber: Morgenthau (1948)

Hans Morgenthau merupakan bapa kepada pendekatan realisme moden secara amnya ditakrifkan sebagai teori yang menekankan kepentingan dan kuasa negara. Menurut Morgenthau (1946), politik adalah seperti masyarakat kerana undang-undang berasaskan sifat manusia. Walaupun sesebuah negara atau negeri memainkan peranan yang ketara, fungsinya adalah sebahagian daripada sistem antarabangsa yang tidak dapat dipertikaikan kerana ia merupakan asas kepada pelaksanaan keputusan dan polisi. Morgenthau (1946) menjelaskan bahawa kawalan terhadap sistem antarabangsa berpunca daripada pembahagian kuasa di kalangan negara yang berkuasa (Zulkifli, 2016). Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa Morgenthau (1946) memfokuskan kepada kuasa dan kepentingan nasional dan bukan aspek moraliti. Ini disebabkan oleh fakta bahawa negara akan bertindak untuk kepentingan negara, berusaha untuk meningkatkan atau memperoleh kuasa (Burchill et al., 2001). Melalui aspek moraliti, realisme bersedia untuk menerima hakikat bahawa *"realpolitik"* adalah selaras dengan keadaan kekuasaan dan meninggalkan aspek moral dalam perbincangan politik. Oleh itu, kuasa perlu dilawan dengan kuasa dan kepentingan diri (Dill, 2023). Golongan realis menganggap kerjasama dan peperangan sebagai tindakan antara negara dalam sistem antarabangsa. Dianggap sebagai anarki, keadaan sistem antarabangsa tidak mempunyai kerajaan agung yang boleh mengawal kacau bilau atau huru-hara, peperangan dan konflik, dan keadaan tidak selamat. Ini disebabkan oleh pandangan realis bahawa manusia adalah kejam, dengki dan pentingkan diri (Keling, 2016).

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Leifer (2002) menyatakan bahawa pendapat tentang teori realisme adalah teori kontemporari yang masih relevan di zaman moden untuk menerangkan cara sesuatu perkara berfungsi dalam sistem antarabangsa. Teori realistik melihat hubungan antarabangsa dengan menekankan negara sebagai pemain utama. Aktor negara, juga dikenali sebagai *"negara,"* adalah mereka yang bertindak dengan rasional dalam membuat keputusan atau dasar negara. Kuasa, kepentingan negara, keseimbangan kuasa, keselamatan, dan ketenteraan adalah konsep rasional bagi golongan realisme. Dalam agenda realisme, kuasa adalah matlamat.

2. Sorotan Literatur

Berbeza dengan keselamatan tradisional, konsep keselamatan pasca Perang Dingin menumpukan kepada dimensi yang tidak tradisional. Keselamatan bukan tradisional berkisar di sekitar manusia iaitu keselamatan di mana kehidupan sosial dan ekonomi menjadi pusat. Keselamatan bukan tradisional juga ditakrifkan sebagai keselamatan manusia. Hubungan antarabangsa pasca Perang Dingin telah mengalami peningkatan wacana dan perdebatan mengenai pembolehubah keselamatan bukan tradisional dan kesannya kepada dasar luar (Berita Harian, 2022). Menurut Kementerian Pertahanan (2019) yang telah dikeluarkan Kementerian Pertahanan Malaysia telah menjelaskan Keselamatan boleh dibahagikan kepada kategori tradisional dan bukan tradisional. Kategori tradisional adalah penting untuk politik antarabangsa. Secara ringkasnya, keselamatan pada masa ini lebih komprehensif dan merangkumi perkara seperti politik, ekonomi, sosial dan ketenteraan. Sektor sosial, politik, ekonomi dan alam sekitar telah terjejas oleh keselamatan bukan tradisional, yang melibatkan pelaku bukan negara dan jenayah rentas sempadan. Keganasan adalah ancaman keselamatan paling besar kepada negara, serantau dan global. Di samping itu, ancaman seperti ekstremisme, rampasan pesawat dan serangan siber mempunyai keupayaan untuk menjejaskan kestabilan dalaman dan mengakibatkan kematian, serta mempunyai keupayaan untuk melumpuhkan Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (CNII). Ancaman yang lain, seperti rompakan di perairan laut, penculikan dan aktiviti penangkapan ikan secara haram, boleh menjejaskan Laluan Perhubungan Laut (SLOC), mengancam keselamatan navigasi dan memberi kesan negatif kepada negara (Kementerian Pertahanan, 2019).

Menurut Kementerian Pertahanan (2019) lagi antara faktor yang menyumbang kepada bahaya ini ialah globalisasi, kebolosan sempadan antara negara, kemudahan perhubungan dan pengangkutan serta kemunculan tren baharu di seluruh dunia. Radikalisasi diri (*self-radicalisation*) melalui media sosial, penyebaran Internet yang cepat dan viral (IoT), ideologi ekstremis, politik identiti, dan lain-lain adalah antara trend ini. Keganasan dan ekstremisme, ancaman siber, ancaman keselamatan maritim, peningkatan senjata pemusnah besar-besaran (WMD), bahan kimia, biologi, radiologi, nuklear dan letupan (CBRNe), dan bencana alam adalah antara ancaman bukan tradisional yang berterusan dan memberi kesan kepada Malaysia (Kementerian Pertahanan, 2019).

Menurut Azmi Hassan (2015) masyarakat ASEAN terutamanya rakyat Malaysia, mesti memahami dan memahami ancaman keselamatan bukan konvensional ini. Ini kerana jika ia tidak ditangani dengan baik dan berkesan, ia boleh mengancam keselamatan dan kedaulatan negara. Sebagai tambahan kepada fakta bahawa ancaman keselamatan bukan konvensional ini kerap berlaku tanpa disedari oleh masyarakat sendiri, adalah penting bagi masyarakat di rantau ini, terutamanya rakyat Malaysia, untuk memahami tanggapan orang lain mengenainya. Walaupun masyarakat jarang memberi perhatian kepada

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

ancaman keselamatan bukan tradisional, ia boleh menyebabkan konflik dalam hubungan antarabangsa atau memberi ancaman kepada negara (The Malaysian Insider, 2015). Insiden pencerobohan di Lahad Datu, Sabah pada 2013 adalah contoh bagaimana ancaman keselamatan bukan tradisional akhirnya berkembang menjadi peristiwa berdarah yang boleh mengancam keselamatan dan kedaulatan negara, sehingga kerajaan terpaksa menubuhkan Esscom (Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah) untuk menanganinya. Tambahan pula, peningkatan bilangan orang Malaysia yang terlibat dalam kegiatan militan seperti Negara Islam Iraq dan Syria (ISIS), serta orang di beberapa negara ASEAN yang lain, hanya kerana terpengaruh oleh ideologi yang kononnya bertopengkan agama, menunjukkan betapa ancaman keselamatan tidak konvensional ini mampu membawa kepada gejala ekstremisme (The Malaysian Insider, 2015).

Menurut Sabu (2019) yang merupakan Menteri Pertahanan ketika itu menyatakan, situasi orde keselamatan kepada tiga perspektif strategik dengan meramalkan isu risiko bukan tradisional dan trend yang sedang berkembang yang akan memberi kesan kepada wilayah Asia. Keganasan, jenayah maritim dan keselamatan siber adalah isu besar yang perlu ditangani dengan sewajarnya. Ia memerlukan kaedah kerjasama antara negara-negara ASEAN. Jika usaha bersepadu tidak dilaksanakan dengan baik, isu-isu seperti isu maritim boleh menjadi ancaman kepada negara. Sabu (2019) juga menegaskan bahawa Laut China Selatan (LCS) harus kekal sebagai kawasan aman untuk persahabatan dan perdagangan dan bukannya kawasan konflik dan konfrontasi. Ini kerana LCS mempunyai lokasi strategik yang boleh dimanfaatkan oleh ASEAN dan seluruh dunia (Sabu, 2019).

Menurut Harun (2009) menyatakan bahawa Malaysia terletak di tengah-tengah Asia Tenggara dan mempunyai sempadan langsung dengan lima negara serantau: Brunei, Filipina, Indonesia, Singapura dan Thailand. Mengawal sempadan negara adalah salah satu isu keselamatan negara. Ini kerana sempadan antarabangsa sukar dikawal. Selama lebih dari empat puluh tahun, Malaysia telah menghadapi ancaman insurgensi komunis, yang juga membahayakan negara jiran. Fokus keselamatan beralih kepada isu keselamatan yang tidak biasa seperti pendatang haram, jenayah rentas sempadan dan limpahan daripada ketidakstabilan politik negara jiran selepas insurgensi komunis berakhir pada 1989. Situasi ini ditambah dengan kebimbangan mengenai keganasan antarabangsa selepas serangan September 11 pada 2001.

Menurut Harun (2009) lagi negara jiran Malaysia seperti Indonesia, Filipina dan Thailand mempunyai kesan yang besar terhadap keselamatan negara. Selepas Perang Dingin, tumpuan keselamatan telah berubah daripada ancaman ketenteraan kepada isu politik, ekonomi, dan sosial. Isu-isu ini lebih berkaitan dengan keselamatan negara. Selain itu, kerjasama yang menyeluruh dari segi keupayaan dan keinginan politik diperlukan untuk menyelesaikan isu ini. Malaysia mendapati bahawa ia mempunyai kepentingan dan keperluan yang besar untuk menyelesaikan isu yang berkaitan dalam hubungan kerjasama keselamatan ini. Ancaman keselamatan yang bukan jenis ketenteraan, seperti insurgensi, tidak dianggap sebagai ancaman bersama yang boleh dikenal pasti (Arnakim et. al, 2021). Negara-negara sukar mencapai kata sepakat mengenai ancaman bersama dalam hal ini. Oleh kerana ASEAN tidak mempunyai mekanisme yang berkesan untuk menangani isu-isu keselamatan, kerjasama dua hala atau bilateral, baik tradisional mahupun bukan tradisional, adalah cara terbaik dan praktikal untuk menangani isu-isu keselamatan di kalangan negara serantau (Acharya, 2001).

Menurut Harun (2009) lagi keselamatan bukan tradisional juga terdiri daripada banyak elemen, seperti pembangunan ekonomi dan perkembangan sosial, dan akibatnya.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Misalnya, apabila ekonomi berkembang, isu keselamatan seperti *"degradasi alam sekitar, kehilangan sumber, dan kekurangan makanan, air dan tenaga"* muncul.

Ancaman keselamatan dan isu-isu etnik ini berpotensi membawa kepada migrasi yang besar dan kebanyakan migrasi ini merupakan yang tidak sah. Manakala menurut Dollah (2017) menyatakan pendekatan Realisme/neo-Realism tidak memasukkan isu bukan tentera seperti pendatang, kesihatan, kemiskinan dan beberapa isu bukan tradisional yang lain sebagai isu keselamatan. Namun, seperti yang dinyatakan oleh Piper (2006), semasa Perang Dingin, isu-isu bukan tradisional tidak dianggap sebagai isu yang signifikan dalam sistem antarabangsa dan dalam politik antarabangsa. Dalam kajian keselamatan, isu ketenteraan dianggap sebagai *"politik tinggi",* manakala isu bukan tradisional seperti ini sering dianggap sebagai *"politik rendah."*

3. Metod Kajian

Kajian ini menganalisis keperluan membangunkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam usaha mencapai matlamat iaitu pemodenan Angkatan tentera yang mampu diberikan tanggungjawab menjaga keamanan dan kedaulatan negara seperti yang digariskan dalam Doktrin Pertahanan Negara (DPN). Objektif kajian ini untuk mengenal pasti dan membincangkan kepentingan realism dalam Pembangunan ATM serta juga dalam pembangunan Industri Pertahanan Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif yang telah melibatkan pengumpulan data primer dan sekunder, serta analisis kandungan. Kaedah triangulasi melibatkan penggunaan pelbagai kaedah atau sumber untuk mengesahkan dan mengukuhkan dapatan kajian. Ini termasuk menganalisis dokumen seperti laporan pertahanan negara dan sumber lain yang berkaitan. Dapatan bagi kajian ini diharapkan juga dapat memberikan panduan dan sokongan kepada pihak berkepentingan dalam pembangunan angkatan tentera Malaysia.

4. Hasil Kajian

Pada abad ke 21, peperangan telah berkembang menjadi satu cabaran yang membuatkan negara agar lebih bersedia untuk menghadapi. Berbeza dengan peperangan konvensional, kemenangan tidak ditakrifkan dengan mengalahkan pasukan tentera yang bertentangan, tetapi mengalahkan keupayaan mereka untuk mengejar tujuan politik dengan kekerasan dengan menggunakan kaedah bukan konvensional. Peningkatan kaedah yang bukan konvensional ini berdasarkan kepada asimetri antara dua pasukan yang menentang. Menurut Brzica (2018) menyatakan definisi bagi istilah *'konflik asimetrik'* wujud, tetapi boleh dirumuskan secara umum oleh satu idea umum bahawa satu pihak menghadapi dalam konflik adalah disebabkan dari kegagalan sendiri atau kekuatan lawannya, Pihak itu tidak dapat mencapai tujuan politiknya melalui konvensional maka pihak tersebut menggunakan pendekatan bukan konvensional untuk mencapai tujuannya.

Menurut Kumar (2010) menyatakan ancaman asimetrik sebagai satu konsep adalah tidak dicipta akibat serangan luar jangka ke atas Amerika Syarikat pada 9 September 2001. Walau bagaimanapun ancaman asimetrik ini menjadi terkenal selepas kejadian itu apabila seluruh dunia menyedari dimensi potensi jenis ancaman dan malapetaka seperti ini boleh meletus bila-bila masa. Menurut kenyataan Rubin (2007) di mana, menurutnya, ancaman asimetrik adalah seperti berikut:

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Dalam setiap era, dari pra-modern hingga hari ini, kuasa yang lemah menggunakan kejutan, teknologi, taktik inovatif, atau apa yang sesetengah mungkin menganggap pelanggaran etiket tentera untuk menantang kuasa yang kuat (Rubin, 2007).

Ancaman asimetrik juga dikategorikan sebagai ancaman keselamatan non-tradisional, yang lebih mencabar dan sukar untuk ditangani berbanding ancaman keselamatan tradisional kerana pelakunya biasanya berasal dari pelbagai negara. Walaupun ancaman asimetrik tidak melibatkan tentera, senjata api atau senjata berbahaya yang lebih besar sering digunakan untuk mencetuskan kekacauan yang menjejaskan ketenteraman dan keselamatan awam. Ancaman asimetrik melibatkan semua domain seperti: tanah, udara, maritim, siber dan persekitaran maya. Oleh itu, adalah lebih sukar untuk menangani ancaman keselamatan asimetrik daripada ancaman konvensional. Ancaman asimetrik boleh diatasi melalui pertahanan dan diplomasi, yang boleh mengurangkan ketegangan antara negara dan meningkatkan kepercayaan untuk mengelakkan konflik (Jabatan Perkhidmatan Awam, 2018).

Dalam merancang dasar pertahanan negara, isu keselamatan seperti keganasan, serangan siber dan bencana alam adalah antara ancaman asimetrik yang perlu diberi perhatian (Sulistyo, 2013). Menurut Sabu (2018), ancaman asimetrik, juga dikenali sebagai ancaman keselamatan bukan tradisional, melibatkan individu dari pelbagai negara yang bergerak secara terancang atau didorong oleh fahaman ekstrem, yang menjadikannya lebih sukar dan lebih sukar untuk ditangani berbanding ancaman tradisional. Kesemua domain darat, udara, maritim dan siber—melibatkan ancaman asimetrik. Ancaman ini juga boleh datang daripada sumber alam, seperti bencana alam. Oleh itu, untuk menangani ancaman tersebut, Malaysia menekankan kerjasama serantau dan luar rantau.

Untuk menangani ancaman asimetrik, tindakan bersepadu antara agensi dan antara negara adalah penting. Agar punca utama ancaman asimetrik ini dapat ditangani dengan berkesan dan mengelakkan ia berulang, pendekatan yang sama ada keras atau lembut adalah diperlukan dalam kes ini. Untuk menghalang ancaman asimetrik dan mencegah pertumpahan darah, serta pendekatan memenangi hati dan minda seseorang (Jabatan Perkhidmatan Awam, 2018). Menurut Sulistyo (2013), paradigma pertahanan negara telah diubah oleh kemunculan ancaman asimetrik, yang sebelum ini menggunakan kekuatan ketenteraan *"hard power"* atau peperangan simetri. Kini, peperangan asimetrik tidak menggunakan serangan frontal, tetapi boleh menyerang melalui isu seperti ideologi, politik, undang-undang, ekonomi, sosial, budaya, dan teknologi maklumat. Kesan negatif globalisasi ialah ancaman asimetrik, yang melibatkan lebih banyak aspek ancaman bukan ketenteraan terhadap sistem pertahanan negara. Ini menjadikannya sukar bagi tentera untuk meningkatkan kekuatan pertahanan mereka untuk menangani ancaman atau peperangan yang tidak seimbang (Sulistyo, 2013).

Menurut Sulistyo (2013) juga menyatakan bahawa aspek baharu ancaman terhadap sistem pertahanan negara ialah ancaman asimetrik. Ancaman asimetrik boleh ditakrifkan sebagai ancaman yang dilakukan oleh pihak lawan yang lemah, individu, kelompok, atau negara terhadap sistem pertahanan negara melalui pelbagai kaedah yang tidak difikirkan sebelumnya. Pelaku bukan negara boleh melakukan ancaman asimetrik dengan sokongan teknologi, wang yang banyak, dan *"networking"* yang luas. Ancaman bukan tradisional iaitu asimetrik berlaku kerana terdapat penyelewengan antara pihak tertentu. Kerumitan dalam menangani ancaman asimetrik jauh lebih tinggi daripada menghadapi ancaman tradisional. Komponen yang mengandungi ancaman asimetrik secara amnya ialah

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

keganasan, pemberontakan, operasi maklumat dan ancaman lain yang tidak jelas (Sulistyo, 2013).

Selain itu menurut Rahawarin (2011), peperangan asimetrik juga sering digambarkan sebagai satu jenis perang yang terhasil daripada pemikiran yang luar biasa dan di luar peraturan peperangan. Ia mempunyai spektrum yang sangat luas dan multidimensi, meliputi bidang-bidang bukan tentera dan bertujuan untuk sentiasa melemahkan elemen penting dalam kehidupan bangsa dan negara sehingga negara itu rosak dari dalam. Perang dengan tahap kuasa kedua-dua belah pihak yang tidak seimbang, pada umumnya pelaku yang berperanan boleh menjadi negara dan bukan negara. Dalam usaha mencapai kemenangan, kedua kedua-dua pihak cuba mengeksploitasi kelemahan yang mereka miliki untuk menghancurkan lawan mereka.

Menurut Rahawarin (2011), peperangan asimetrik hari ini berlaku biasanya percubaan yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mendamaikan wilayahnya daripada serangan keganasan. Keganasan merupakan ancaman yang boleh dilaksanakan dari dalam negara atau dari negara luar iaitu di peringkat antarabangsa. Oleh itu strategi pertahanan yang baik diperlukan kekuatan senjata dan strategi yang secara komprehensif boleh meliputi semua wilayah. Rahawarin (2011) juga menyatakan bahawa Ivan Arreguin-Toft juga telah menjelaskan bahawa dalam teorinya terdapat empat pilihan strategi yang boleh dilakukan dalam peperangan asimetrik. Pihak yang lebih kuat dapat mengambil langkah *'direct attack'* dalam perang asimetrik sebagai pilihan untuk memenangi perang. Sementara itu, pihak yang lemah akan lebih cenderung untuk melakukan *'direct defense'* dan menggunakan strategi perang gerila. Dalam perang asimetrik, pihak lemah akan selalu melakukan perang gerila sebagai langkah untuk berperang kerana ia merupakan pilihan paling rasional dalam perang asimetrik (Rahawarin, 2011).

Dalam menghadapi ancaman asimetrik, negara yang lebih berkuasa haruslah menetapkan strategi *'direct attack'* ketika musuhnya memilih untuk menggunakan strategi *'direct attack'*. Begitu juga sebaliknya, ketika musuh menggunakan strategi '*indirect attack*' maka negara lawan juga harus menggunakan strategi yang sama bagi memenangi perang tersebut. Peperangan asimetrik sebagai pengaruh pasukan operasi dan taktik yang lebih rendah daripada kelemahan lawan untuk mencapai kesan ketidakseimbangan dengan tujuan merosakkan keupayaan pihak lawan (Rahawarin, 2011). Jelas bahawa ancaman dan perang asimetrik berlaku untuk merosakkan perintah negara dan bangsa sehingga terjadi ketidakseimbangan di dalam negara tersebut yang mana akan mengancam negara. Ancaman asimetrik ini amat berbahaya terhadap kedaulatan sesebuah negara dalam mempertahankan pertahanan negara. Ancaman asimetrik yang berkembang harus diambil serius sebagai salah satu ancaman yang berbahaya kepada keamanan dan juga kestabilan sesebuah negara (Sulistyo, 2013).

Selain itu, Malaysia telah berpegang kepada pendekatan holistik bagi menangani ancaman asimetrik. Menurut Ibrahim (2016), Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB), Penyelesaian optimum untuk menangani ancaman yang tidak seimbang terhadap anggota pengaman PBB ialah pendekatan holistik. Menurut Ibrahim (2016) lagi, peningkatan dan ancaman asimetrik yang berterusan terhadap anggota pengaman PBB merumitkan keadaan keselamatan yang tidak selamat dan menggugat pencapaian dan kemajuan ke arah mengembalikan keamanan dan kestabilan di negara-negara yang berkenaan. Manakala Kementerian Pertahanan juga sedang mengusahakan untuk memodenkan ATM dengan melaksanakan pembelian aset baru. Untuk menangani ancaman simetrik dan asimetri pada masa hadapan, ATM akan memperoleh pesawat

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

rondaan maritim, kenderaan udara tidak berpemandu dan pesawat pemintas (Ibrahim, 2016).

5. Kesimpulan

Malaysia tidak boleh melupakan nilai teras keselamatan negara, bagaimana ia dapat menjamin masalah keselamatan pada masa lalu dan mengendalikan isu keselamatan kontemporari pada hari ini. Perasaan tidak selamat terhadap negara lain terutamanya akan mempengaruhi perubahan peningkatan ketenteraan dan keselamatan sesebuah negara. Keadaan ini akan mewujudkan fenomena dilema keselamatan yang pastinya akan menyebabkan negara risau akan keselamatannya kerana perubahan ancaman dihadapi di dalam peringkat sistem antarabangsa. Ini seterusnya akan memberi penyebab kepada kemunculan fenomena perlumbaan senjata (*arms race*) antara negara yang terlibat bagi memperoleh tahap keselamatan yang terbaik untuk negara masing-masing.

Terdapat beberapa perubahan yang telah berlaku di rantau Asia tenggara ini sejak kebelakangan ini, yang telah menimbulkan beberapa masalah dan kesan cabaran dan kebimbangan baharu yang menjejaskan pertahanan Malaysia. Walaupun Malaysia dan negara-negara di rantau Asia Tenggara pada umumnya mengalami kestabilan politik dan kemajuan ekonomi. Isu semasa, terutamanya yang berkaitan dengan keselamatan bukan konvensional telah mula membentuk dan mempengaruhi sifat ancaman kepada pertahanan dan keselamatan negara. Untuk menangani ancaman yang boleh menjejaskan kedaulatan, kemerdekaan dan integriti Malaysia, pembangunan dan pemodenan sistem pertahanan negara, terutamanya pemodenan ATM, perlu dilakukan. Memandangkan perubahan dalam persekitaran strategik di seluruh dunia telah mula dilihat, termasuk di Asia dan di Malaysia sendiri, maka program pemodenan dan pembangunan ATM adalah perkara yang penting. Keadaan strategik ini telah meninggalkan kesan ke atas keselamatan Malaysia bukan sahaja dari segi tuntutan bertindih ke atas kedaulatan kawasan maritim dan tanah dengan jiran negara lain, tetapi juga dari segi isu yang berpotensi menimbulkan konflik yang disebabkan oleh perubahan yang berlaku di seluruh dunia, yang banyak mengubah konteks strategik keselamatan negara Malaysia.

Kewangan (*Funding*)

Penyelidikan ini disokong oleh Dana Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi Malaysia dibawah Fundamental Research Grant Scheme 600-RMC/FRGS 5/3 (153/2022)

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Acharya, A. (2001). *Constructing A Security Community In Southeast Asia: ASEAN And The Regional Order*. London: Routledge.

Arnakim, L. Y., & Mat, S. M. (2021). Malaysia Dan Asean: Kepentingan Dan Pendekatan Malaysia Terhadap Asean,1967-2017. *Sejarah, 30*(2), 116–135.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Azmi Hassan. (2015, April 12) ASEAN Perlu Fahami Ancaman Keselamatan Bukan Tradisional. *Bernama News*.

Berita Harian. (2022, April 4). Perkasa ESSCOM depani ancaman keselamatan semakin kompleks. *Berita Harian*.

Brzica, N. (2018). Understanding Contemporary Asymmetric Threats. *Croatian International Relations Review*, *24*(83), 34–51.

Burchill, S. (2001). *Theories of international relations*. Palgrave Macmillan.

Buzan, B. (1987). *Introduction To Strategic Studies: Military Technology And International Relations.* Palgrave Macmillan.

Dill, J. (2023). Threats to state survival as emergencies in international law. *International Theory, 15*(2), 155-183. doi:10.1017/S1752971923000015

Dollah, R. (2017). Aktor Bukan Negara dan Keselamatan Nasional di Malaysia: Tentera Diraja Sulu dan Pencerobohan Lahad Datu, 2013. *Akademika, 87*(3), 17-31.

Gray, C. (1971). The Arms Race Phenomenon. *World Politics, 24*(1), 39-79.

Harun, R. (2009). Peningkatan Keselamatan Bersama Melalui Kerjasama Dua Hala Malaysia Dan Negara-Negara Jiran. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 36,16-40

Holsti, K. J. (1991). *Change In the International System: Essay on The Theory and Practice of International Relations*. E. Elgar Pub.

Ibrahim, R. (2016, September 2). Malaysia Berpegang Kepada Pendekatan Holistik Tangani Ancaman Asimetrik. *Astroawani*.

Jabatan Perkhidmatan Awam. (2018). *Laporan Tahunan Jabatan Perkhidmatan Awam*, Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Keling, M. F. (2016). *Dasar Pertahanan Negara Malaysia: Analisa Ke Atas Prinsip Pertahanan Self-Reliance*. [TESIS]. Universiti Utara Malaysia.

Kementerian Pertahanan. (2019). *Kertas Putih Pertahanan, Malaysia Yang Selamat, Berdaulat dan Makmur*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan.

Kumar, K. (2010). *Asymmetric threats and their challenges to freedom of navigation.* [Master Thesis] The Maritime Commons: Digital Repository of the World Maritime University

Leifer. M (2002). Realism And Constructivism In Southeast Asian Security Today: Review Essay. *The Pacific Review*, *15*(1), 119-138

Morgenthau, H. J. (1946). *Scientific Man Versus Power Politics*. Chicago: University Of Chicago Press.

Morgenthau, H. J. (1948). *Politics Among Nations, The Struggles For Power And Peace*. New York: Alfred Knopf.

Morgenthau, H. J. (1978). *Politics Among Nations: The Struggle for Power and Peace*. New York: Alfred Knopf.

Pashakhanlou, A.H. (2017). *Realism and Fear in International Relations. In: Realism and Fear in International Relations*. Palgrave Macmillan, Cham.

Piper, N. (2006). Gendering the Politics of Migration. *International Migration Review, 40*(1), 133-164.

Rahawarin, H. A (2011). *Strategi gelar pasukan Indonesia dalam menghadapi ancaman-ancaman asimetris terhadap kedaulatan negara kesatuan republik Indonesia*. [Tesis Sarjana], Fakultas Ilmu Sosial Dan Ilmu Politik, Jakarta, Indonesia.

Ramanathan, K. (2000). *Konsep Asas Politik*. Pulau Pinang: Alms Digital Enterprise, 228

Rubin, M. (2007). Asymmetrical Threat Concept and Its Reflections on International Security. American Enterprise Institute - AEI.

Sabu, M. (2019, Jun 6). Risiko keselamatan bukan tradisional jadi tumpuan. *Berita Harian Online.*

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Sabu, M. (2018). Ancaman Asimetrik perlu diberi keutamaan dalam dasar pertahanan negara. *Air Times*. https://www.airtimes.my

Sulistyo, A. (2013). *Ancaman Asimetris Terhadap Sistem Pertahanan Negara*. Asymmetric Warfare Study Program, Faculty of Defense Strategy Indonesia Defense University, Jakarta, Indonesia.

Tellis, A. J. (2000). *Smoke, Fire, and What to Do in Asia*. Hoover Institution.

The Malaysian Insider (2015, April 12). Masyarakat Asean perlu faham ancaman keselamatan bukan tradisional, kata penganalisis. *The Malaysian Insider*.

Zulkifli, N. (2016). *Teori Realisme dan Neo Realisme*. *Researchgate*. https://www.researchgate.net

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).